



WAN AHMAD adalah generasi Banjar yang ke-enam, bergambar di hadapan rumah tradisional nenek moyang orang Banjar di Kampung Alor Pongsu.

Banjar pakar dalam sektor pertanian

Sistem perparitan terbaik, guna setiap ruang lipat ganda hasil



Misteri Etnik

Azrul Affandi
Sobry Wartawan

Saifullizan
Tamadi Jurugambar

azri@bharian.com.my

SIRI KEDUA

PENGIHJRAHAN masyarakat dari luar, terutama Indonesia ke negara ini jelas banyak membentuk struktur hidup penduduk Malaysia dan ia lebih banyak bergantung kepada cara hidup dan kecenderungan mereka di tanah asal kedatangan. Sebagai contoh, masyarakat Bugis dikaitkan dengan sikap menjadi ketua banyak menyumbang kepada sistem pemerintahan beraja negara.

Skenario sama dibawa masyarakat Kampar yang sejarah ada mencatatkan kehadiran mereka ke negara ini membawa bersama sistem beraja sehingga menjadi pelopor kepada pembentukan kerajaan Melaka dan difahamkan turut dikaitkan dengan kerajaan diraja Perak.

Nyata, kaedah kehadiran mereka ke negara ini membentuk masyarakat baru dengan rupa yang sama seperti ketika di negara asal. Golongan pendakwah pula banyak dikaitkan dengan masyarakat Kampar dan Banjar dengan kewujudan beberapa sistem pendidikan pondok pada awal abad ke-20 serta gelaran tokoh ulama yang diakhiri dengan nama Al-Banjari.

Bagaimanapun merujuk kepada pengihjrahan orang Banjar ke negara ini, ia lebih dekat dikaitkan dengan orang Jawa yang berfokus kepada pemugaran tanah dan mengusahakan pertanian. Legasi mereka ialah wujudnya perkampungan dengan nama awal Parit, sama seperti orang Jawa yang menunjukkan mereka sudah memulakan sistem perairan untuk tanah pertanian.

Kewujudan orang Banjar di negara ini juga dikaitkan dengan sistem tebuk iaitu mereka membina penempatan dalam hutan dengan dibuat lorong kecil untuk ke

perkampungan kecil yang mempunyai sistem pertanian terancang. Sistem pertanian orang Banjar bukan sekadar memfokuskan kepada satu jenis tanaman, tetapi menggunakan segenap ruang yang ada untuk menggandakan hasil pertanian dengan pelbagai tanaman.

Orang Banjar juga dianggap sebagai petani pintar kerana sebelum membina rumah, perkara utama dilakukan mereka ialah membuat parit yang akan membolehkan bekalan air sampai ke semua kebun dan seterusnya ke sawah padi di hujung tanah sebelum akhirnya dilimpahkan ke sungai. Ini sekali gus mengelakkan mereka berdepan dengan banjir.

Menurut pengasas Galeri Melayu Banjar, Wan Ahmad Arshad, kepintaran orang Banjar masih jelas dapat dilihat di beberapa rumah asal masyarakat itu di sekitar Bagan Serai, termasuk Rumah Ganal (rumah besar) yang dibina sendiri oleh Abdul Hamid Al-Banjari pada 1890 yang kini masih utuh di luar pekan Bagan Serai.

“Pembinaan rumah orang Banjar sentiasa mengambil kira pelbagai faktor dan keutamaan mereka ialah membuat sistem perparitan terbaik bagi tujuan kawalan banjir, mengairi sawah dan pada masa sama untuk menternak ikan. Ia pernah diakui sebagai sistem perparitan terbaik oleh Britain ketika menjajah negara ini dulu.

“Sekitar rumah orang Banjar ditanam pelbagai tanaman termasuk tanaman kontan seperti labu di batas sawah. Tebu, kelapa dan sebagainya turut mengisi ruang di sekitar rumah. Uniknyanya masyarakat kami ialah tinggal dalam kelompok keluarga atau saudara terdekat. Dalam satu tebuk, di situ ada sekelompok keluarga.

“Untuk memudahkan pertanian tradisional dibuat, sawah diusahakan secara berderai (gotong-royong) dan ia kaedah dibawa dari Banjarmasin. Ia untuk meringankan kerja dan orang Banjar pula jenis yang bijak guna semua ruang yang ada untuk jana ekonomi,” katanya yang turut mengasaskan Galeri Pusaka

Orang Banjar juga dianggap sebagai petani pintar kerana sebelum membina rumah, perkara utama dilakukan mereka ialah membuat parit yang akan membolehkan bekalan air sampai ke semua kebun dan seterusnya ke sawah padi di hujung tanah sebelum akhirnya dilimpahkan ke sungai. Ini sekali gus mengelakkan mereka berdepan dengan banjir

Moyang di Negeri Sembilan.

Berdasarkan faktor Geografi di Banjarmasin, ada sebabnya mengapa orang Banjar begitu setia dengan sektor pertanian. Di sana keadaan iklim dan rupa buminya sangat bersesuaian dengan tanaman tropika. Secara kasarnya masyarakat Banjar dapat dibahagi kepada dua golongan.

Golongan pertama hanya berfokus kepada pendapatan hasil pertanian semata-mata, manakala golongan kedua ialah mereka yang bukan saja bertani tetapi turut membuat kerja sampingan seperti bertukang, menangkap ikan, mencari kayu, rotan, damar dan sebagainya.

Golongan kedua ini tinggal di pedalaman benua Empat dan Lima. Begitu pun, fokus utama mereka tetap pertanian secara tradisional dengan memiliki ladang jauh dari kediaman. Keadaan itu disebabkan tanah di kota berhampiran kediaman kurang subur. Persaingan mendapatkan tanah pertanian di samping gaya hidup yang sukar menjadi satu lagi faktor pengihjrahan mereka.

“Hidup di Banjarmasin dulu dianggap susah. Selain berdepan dengan ancaman

B/H 13/3/12 MS 8/9.



TALIB IDRIS, 66 bersama Asmah Ramli, 67, mengusahakan sawah padi sebagai punca pendapatan orang Banjar di Kampung Tebuk Matau.



SENI bina Masjid Tinggi yang dibawa orang Banjar di Banjarmasin.

Belanda, hasil pertanian juga tidak memberikan pulangan baik. Kerana itulah apabila mereka mendapat perkhabaran daripada mereka yang sudah tinggal di Tanah Melayu, ia menjadi faktor tarikan utama mereka ke sini.

"Di sini (Tanah Melayu) ketika itu banyak tanah kosong selain belum ada sekatan untuk masuk ke negara ini. Khabar daripada rakan dan saudara mara mengenai kemampuan mendapat pendapatan lebih baik di sini menjadi faktor menarik selain dibebani faktor tolakan iaitu tekanan Belanda dan kesukaran untuk hidup senang.

"Orang Banjar tidak dapat dipisahkan dengan pertanian padi. Boleh dikatakan kebanyakan kawasan rumah Banjar termasuk di Bagan Serai ini berdepan dengan sawah padi. Sama seperti di rumah milik Abdul Hamid dengan sawah padi adalah di kawasan tanah paling belakang selepas tanaman lain termasuk kelapa," katanya lagi.

Orang Banjar dikaitkan sebagai pesaing paling hebat. Mungkin kerana dalam diri mereka sudah mengalir darah pejuang yang pernah menentang penjajahan Belanda. Justeru, mereka akan cuba menempatkan diri mereka dalam apa saja sektor dan sedaya upaya menguasainya.

Mereka jenis masyarakat yang 'pantang nampak peluang'. Apa saja ruang akan digunakan sepenuhnya. Ia terbukti sejak dulu kerana meskipun berfokus kepada pertanian di sekitar rumah, kawasan tanah tinggi seperti di Banjarmasin, Maraban dan Margasari tidak pula terbiar begitu saja tetapi diusahakan dengan tanaman sayuran termasuk terung, lobak, bilungka (timun), kerawik (ojong), kacang bendi, kacang panjang, kacang boncis.

Perusahaan getah di daerah Amuntai pula dijalankan secara besar-besaran sejak 1839 lagi. Perusahaan itu mula mendapat sambutan hangat orang Banjar di Kalimantan pada 1910 kerana harga getah yang melambung tinggi. Orang Banjar juga bijak dalam perniagaan kerana mereka sudah mampu mendagangkan hasil pertanian sehingga ada antaranya berjaya dieksport selain menjadikan Banjarmasin sebagai antara pusat da-

ngangan satu ketika dulu.

"Oleh kerana itu, jika dirujuk kepada sejarah kedatangan orang Banjar ke Tanah Melayu, tidak sesuai ia dikaitkan dengan penghijrahan pada hujung abad ke-19 saja kerana sebenarnya mereka sudah ada terbabit dengan aktiviti perdagangan termasuk di Melaka sejak awal lagi.

"Banjarmasin sendiri ialah pelabuhan Justeru, pasti ada orang Banjar yang juga terbabit sebagai pedagang. Golongan pedagang Banjar kebanyakannya ulama dan mereka yang membuka beberapa sistem pendidikan pondok seperti di Semangol dan sekitar Kedah.

"Pendakwah atau ulama ini mereka yang mempunyai kedudukan kewangan lebih baik. Konsep orang Banjar ialah memberi ilmu dan sumbangan untuk agama dengan mengorbankan harta benda mereka. Konsep sebegitu sangat kuat dalam sistem pondok dulu. Apatah lagi, orang Banjar memang kebanyakannya mempunyai ilmu agama yang tinggi," katanya.

Orang Banjar juga turut hebat dalam ilmu pertukangan. Ia terserlah pada binaan rumah yang menggunakan elemen ukiran berseni. Malah, mereka juga mahir membuat parang, tajak, kapak, beliung, lading getah dan pelbagai senjata lagi dengan baik. Justeru, di galeri milik Wan Ahmad, pelbagai koleksi keris dan senjata lain menjadi bahan pameran utama.

Ia berkait rapat dengan gaya perwatakan orang Banjar sendiri yang tegas dan berdarah pendekar. Ke mana saja langkah mereka pasti ada diselitkan senjata. Ia menguatkan lagi hujah yang orang Banjar dekat dengan seni senjata dan tidak mustahil turut dijadikan sebagai satu daripada sumber ekonomi mereka dulu.

"Sebenarnya, orang Banjar di Banjarmasin bukan susah. Hasil bumi cukup banyak di sana termasuk emas. Namun, ia merosot dan dinafikan dengan penjajahan Belanda pada 1860. Kegiatan ekonomi orang Banjar bukan saja tertumpu dalam Banjarmasin tetapi ke peringkat antarabangsa," katanya.

Bahasa berbeza dari segi slanga, dialek, kosa kata

'**B**IAR batihang haur asal rumah saurang, tihang ulin mun rumah urang' ialah sebahagian peribahasa orang Banjar yang sama maksudnya dengan peribahasa Melayu iaitu hujan emas di negara orang, hujan batu di negara sendiri, baik lagi negara sendiri.

Itu hanya sebahagian sedangkan ada banyak lagi peribahasa yang membawa maksud sama. Itu menjelaskan kenyataan bahawa kebanyakan masyarakat Nusantara sebenarnya berkongsi budaya dan kesamaan bahasa. Cuma ia mungkin dipisahkan sedikit dengan slanga, dialek dan kosa kata.

'Bila wani menimba lunta, wani tu' pula membawa maksud berani kerana benar, takut kerana salah. Perkataannya nyata jauh berbeza dengan bahasa Melayu tetapi ada beberapa perkataan yang bunyinya hampir sama, cuma dibezakan pada sebutan suku kata, namun masih boleh difahami.

Cuma, apabila semua perkataan itu disatukan dalam ayat, ia sukar difahami sekali gus menjadi antara punca mengapa masyarakat Banjar dulu sukar untuk berkomunikasi dengan penduduk tempatan.

Ada beberapa perkataan yang diubah sebutan 'e' kepada 'a' seperti lebih menjadi *labih* dan kena menjadi *kana*. Ada pula perkataan Melayu diubah sebutan 'e' seperti sebelah menjadi *subalah* dan telanjang menjadi *tilanjang*. Pohon pula disebut *pahun* dan gegar menjadi *gigar*.

Beberapa perkataan dengan vokal 'a' pula ada antaranya ditambah konsonan 'h' seperti tua menjadi *tuha*, tiarap (*tiharap*), ampang (*hampang*), gaji (*gajih*), nyonya (*nyonyah*) dan saji (*sajih*).

Kata ganda dalam bahasa Banjar juga berbeza dengan bahasa Melayu yang sekadar menambah suku kata awal saja seperti sayur-sayuran menjadi *sasayuran*, berjalan-jalan menjadi *barja-jalan* dan sambut menyambut menjadi *basa-sambutan*.

Imbuan juga sangat berbeza dalam bahasa Banjar iaitu mengambil menjadi *maambil*, menggigit (*maigut*), menghidapi (*mahidapi*), memadamkan (*mamadah*) dan merebutkan (*marabut*).

Pensyarah Jabatan Pengajian Melayu, Institut Perguruan Sultan Abdul Halim, Khairi Muhammad Nor, berkata bahasa Banjar dikenali juga sebagai Bandjarese, Banjar Malay atau Banjarese. Bahasa ini dapat dibahagikan kepada dua dialek, iaitu dialek hulu dan dialek Kuala.

"Bahasa ini tergolong dalam keluarga bahasa Austronesia Barat. Walaupun tergolong dalam satu kelompok bahasa dengan bahasa Melayu dan menyamai bahasa Melayu, tidak semestinya bahasa Banjar ialah bahasa Melayu.

"Dalam kajian oleh Asmah Omar pada 1988), bahasa Banjar ialah sebuah bahasa dan bukannya sebahagian dialek Melayu. Menurut Asmah, orang Indonesia secara konsisten memberi nama 'bahasa' kepada sistem komunikasi masyarakat Banjar. Ini secara umumnya menggambarkan institusi penutur bahasa Indonesia bahawa bahasa Banjar bukan dialek Melayu atau dialek bahasa Indonesia.

"Pendapat Asmah diperkukuh dengan ujian menyalang yang dijalankan terhadap penduduk Melayu Semenanjung (yakni mereka yang bukan kelompok Banjar). Dalam ujian ini, kelompok bukan Banjar tidak memahami pertuturan orang Banjar. Menurutnya lagi, kemungkinan kadar kefahaman menyalang itu sangat rendah," katanya yang turut pernah membuat kajian mengenai bahasa Banjar.

Apapun, bahasa Banjar memang unik kerana meskipun semua orang Banjar menggunakan bahasa sama tetapi lenggok pertuturannya berbeza. Ada sebahagian yang datang dari kawasan berbeza mempunyai lenggok lemah lembut manakala sebahagian yang datang dari kawasan seperti Lampihong mempunyai lenggok yang agak kasar.



BERJAJA di pasar pagi adalah sumber pendapatan orang Banjar di Kampung Jalan Banjar, Masjid Tinggi.